

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Sinar Harian (Sinar Bestari)

TARIKH : 27 Jun 2022 (Isnin)


M/S : 21

SINAR HARIAN • ISNIN 27 JUN 2022

21

Sinar BESTARI

GERBANG ASPIRASI GENERASI MAHIR



8 tip
penjagaan
buku
konvensional
m22



Dunia digital yang kita alami hari ini menjadi peluang kepada perpustakaan untuk "hidup bersama" atau berasimilasi dengan perkembangan itu menerusi usaha merekonstruksi perkhidmatan perpustakaan seiring dengan perkembangan digital.

-Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia, Salasih Abdul Wahab

m26



Untuk
membaca
artikel-artikel
lain yang
menarik,
imbas kod
QR ini.



FOTO: INFORMATION RESOURCE CENTRE, UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS

PERPUSTAKAAN MASA KINI LEBIH KREATIF & INOVATIF





Pustaka Raja Tun Uda Shah Alam.

8 tip penjagaan buku konvensional


Supaya kekal terpelihara dan dapat tarik minat pengunjung

Walaupun norma pendidikan negara sudah berganjak ke arah pendigitalan, perpustakaan dilihat masih lagi relevan pada masa kini.

Ini disebabkan ramai 'ulat buku' yang bergantung kepada buku berbentuk fizikal berbanding naskhah secara dalam talian.

Jadi, perpustakaan tetap menerima kunjungan pelawat yang tidak putus-putus untuk membuat bacaan dan rujukan.

Menurut Ketua Bahagian Perkhidmatan Pelanggan, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), Pustaka Raja Tun Uda Shah



SABARIAH

Alam, Sabariah Sayuti, 52, ramai pelawat yang datang ke perpustakaan berkenaan tanpa mengira lapisan masyarakat, agama dan bangsa.

"Sebelum fasa endemik Covid-19, anggaran 5,000 hingga 6,000 pelawat ke perpustakaan setiap hari

termasuk hujung minggu.

"Kalau pada hari bekerja pula kami menerima kunjungan 1,000 hingga 2,000 pelawat. Semasa pandemik pun terdapat 200 hingga 300 pelawat yang datang.

"Selepas negara beralih dari fasa pandemik ke endemik, berlaku peningkatan dalam jumlah pelawat yang mendadak di mana Ahad minggu lalu kami menerima kunjungan seramai 1,800 pelawat," katanya ketika ditemu bual, baru-baru ini.

Tambahnya, selain dari e-buku, PPAS Pustaka Raja Tun Uda Shah Alam juga menyediakan khidmat pangkalan data kepada

pengguna.

"Sebanyak 18 pangkalan data yang kami beli sendiri dan melalui konsortium dengan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) iaitu dipanggil sebagai u-Pustaka.

"Sambutan sangat memberangsangkan dan menggalakkan dalam kalangan pelajar-pelajar serta kumpulan penyelidik.

"Namun begitu, peminjam terbanyak untuk e-buku bagi 2021 adalah kanak-kanak berumur 13 tahun," ujarnya sambil menjelaskan fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sukar bagi peminjam untuk mendapatkan akses kepada buku fizikal.

Berpeluang bertemu Sabariah sudah pasti tidak disia-siakan *Sinar Bestari* dengan bertanyakan tip penjagaan buku konvensional. **SB**



Jom ikuti penjagaan yang dikongsi bersama!

1 **Balut buku berjaket**
Buku berjaket biasanya berkulit keras atau dipanggil 'hardcover' yang datang dari luar negara dan harganya agak mahal. Pustakawan akan membalut setiap buku yang berjaket dengan satu plastik khas dipanggil 'filmolux'. Pembalut buku ini ditempah khas untuk mengelakkan bahagian tepi buku daripada rosak, debu dan minyak melekat padanya.

2 **Bersihkan buku dan rak**
Tukang cuci akan membersihkan buku-buku di perpustakaan dengan kerap. Ini bagi membersihkan buku dan rak daripada habuk serta debu.

3 **Buat bacaan rak**
Setiap hari kakitangan akan membuat penyusunan buku dan bacaan rak atau 'shelf-reading'. Subjek perkara buku tersebut akan disusun mengikut kategori dan genre memudahkan 'tracing' dan pencarian buku-buku tersebut.

4 **Buku disusun secara menegak dan telentang**
Buku disusun dalam keadaan menegak agar sentiasa dalam kondisi yang cantik, tidak senget dan mudah dicari. 'Book spine' atau tulang buku akan berada pada kedudukan

luar, begitu juga tajuk. Kalau buku bersaiz besar akan disusun secara telentang. Ia bagi memastikan kualiti buku itu sentiasa terbaik. Selain itu, kalau buku-buku tidak penuh dalam rak dan ada ruang penghadang buku atau 'bookend' diletakkan supaya ia tidak jatuh.

5 **Jaga kelembapan suhu buku**
Setiap bulan akan ada pegawai yang datang untuk memeriksa dan mengukur kelembapan suhu dengan alat yang dipanggil termohigrometer bagi memastikan suhu yang ada dalam perpustakaan sesuai untuk pemeliharaan buku. Suhu buku yang sesuai dalam perpustakaan adalah 21 darjah Celsius dan untuk kelembapan 50 darjah Celsius. Penghawa dingin juga akan sentiasa dipasang untuk mengelakkan buku-buku daripada 'kepanasan'. Kalau buku 'panas' ia akan bertukar warna di mana dalamnya akan menjadi kekuningan.

6 **Kawalan serangga**
Pasukan kawalan serangga akan datang ke perpustakaan untuk memastikan ruang sentiasa bersih daripada serangga seperti lipas, anai-anai dan semut. Oleh itu, pengguna dilarang makan dalam perpustakaan untuk memastikan buku-buku dalam keadaan selamat dan terjaga.

7 **Rak buku berkualiti**
Di perpustakaan, kesemua rak buku diperbuat daripada bahan yang berkualiti iaitu logam yang tidak mudah berkarat. Sekiranya rak berkualiti rendah, ia mudah berkarat dan akan merosakkan buku.

8 **Pelekat sayangi buku**
Pelekat ini ditampal pada setiap buku agar peminjam dapat menjaga buku dengan baik dan mengelakkan daripada sebarang kekotoran. Jangan makan sambil membaca. Disebabkan makan dan tangan berminyak, buku akan menjadi kotor. Untuk menjaga buku, dalam perpustakaan terdapat tempat khas untuk makan seperti di kafe atau 'makerspace'.

Perpustakaan juga sediakan tempat untuk tinggalkan barangan makanan di luar kawasan buku dan rak.

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Sinar Harian (Sinar Bestari)

TARIKH : 27 Jun 2022 (Isnin)

M/S : 24

24

Sinar
BESTARI

Oleh NOR AZMA MUHAMAT LAILA

FOKUS

ISNIN 27 JUN 2022 • SINAR HARIAN



Buku fizikal masih lagi menjadi pilihan mereka yang inginkan maklumat tepat.

Perpustakaan kekal relevan

Berubah seiring perkembangan teknologi

Perkembangan teknologi hari ini menyebabkan gedung ilmu seperti perpustakaan kurang mendapat tempat dalam kalangan masyarakat terutama generasi muda yang lebih gemar menghabiskan masa dengan gajet dan telefon pintar.

Tambahan pula, amalan membaca juga semakin sukar dipupuk dalam diri anak-anak pada hari ini kerana mereka banyak menghabiskan masa dengan melayari internet, media sosial atau permainan video.

Sehubungan itu, kebanyakan gedung ilmu dan institusi pendidikan mula berubah dan mengadaptasi teknologi terkini supaya dapat terus menyediakan perkhidmatan yang mampu memenuhi permintaan masyarakat.

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) turut tidak ketinggalan mengikut perkembangan teknologi dengan membuat penambahbaikan dalam perkhidmatan yang ditawarkan supaya terus kekal relevan dalam dunia yang serba canggih ini sekali gus menjadi pemangkin kepada keperluan masyarakat mendapatkan informasi dan maklumat sahih serta tuntas.

Ketua Pengarahnya, Salasiah Abdul Wahab berkata, perpustakaan akan terus kekal relevan meskipun kemunculan pelbagai teknologi baharu ketika ini mahupun di masa akan datang kerana ia adalah gedung yang menempatkan sumber ilmu untuk pembangunan dan perkembangan tamadun dunia.

"Perpustakaan masih lagi menjadi tempat pelajar untuk belajar secara berkumpulan, mengadakan perbincangan dan menggunakan perkhidmatan di dalamnya secara percuma tanpa dikenakan bayaran.

"Malah masih ada masyarakat yang sememangnya gemar datang ke perpustakaan dan menjadikannya sebagai rumah kedua di



Perpustakaan Negara Malaysia menyediakan pelbagai kemudahan yang sudah mengadaptasi kecanggihan teknologi hari ini.

mana mereka menjadikannya sebagai tempat riadah untuk membaca surat khabar, mencari pelbagai maklumat, membaca pelbagai jenis bahan bacaan dan bersosial secara santai.

"Oleh itu, adalah tidak wajar jika mengatakan bahawa perpustakaan tidak lagi relevan kerana perkembangan teknologi sedangkan ilmu itu akan sentiasa disalurkan cuma mungkin kaedah atau perkhidmatan yang ditawarkan agak berbeza dan berubah sesuai dengan peredaran semasa," katanya ketika ditemui *Sinar Bestari*, baru-baru ini.

Ditanya sama ada perpustakaan masih relevan atau tidak, ia bergantung kepada individu atau masyarakat itu sendiri untuk membuat pilihan dalam menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan kerana PNM sendiri menyediakan pelbagai kemudahan

yang sudah mengadaptasi kecanggihan teknologi.

"Dunia digital yang kita alami hari ini menjadi peluang kepada perpustakaan untuk 'hidup bersama' atau berasimilasi dengan perkembangan itu menerusi usaha merekonstruksi perkhidmatan perpustakaan seiring dengan perkembangan digital.

Dunia digital

"PNM telah mengambil peluang ini dengan membangunkan inisiatif berasaskan teknologi *augmented reality* (AR) dan *virtual reality* (VR) seperti Pameran Rumah Melayu Tradisional Berinspirasi Manuskrip Petua Membina Rumah," ujarnya.

Selain itu, PNM telah lama mengambil langkah proaktif mengadaptasi teknologi



SALASIAH

Apa kata pelajar



Saya memilih

menggunakan perkhidmatan Pusat Sumber Sekolah kerana ia memberikan

peluang kepada pelajar untuk mengakses ilmu dan bahan pembelajaran seperti nota, soalan-soalan latihan, soalan ramalan dan sebagainya."

- Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Segambut Jaya, Kuala Lumpur, Wan Aleya Rahini Wan Rozi, 14.



Pusat sumber penting bagi murid untuk mencari ilmu dan pengetahuan yang membantu dalam mata pelajaran serta menambah wawasan murid. Terdapat 1,001 jenis buku tersedia di pusat sumber yang

secara tidak langsung membuka mata kita tentang banyaknya pengetahuan yang mampu kita perolehi dengan duduk membaca di pusat sumber ataupun dengan cara meminjam buku. Oleh itu, murid-murid wajar mengimarahkan pusat sumber untuk membaca kerana membaca budaya bangsa berjaya." - Pelajar SMK Perimbun, Kuala Lumpur, Nor Aiman Afrizal, 17



Pusat sumber perlu memainkan pendekatan yang kreatif dalam menyediakan bahan bacaan dan memupuk minat membaca dengan menggunakan kecanggihan teknologi yang terkini." - Pelajar SMK Air Tawar, Kota Tinggi, Johor, Muhammad Aideil Harith Mohd Shah, 17.



Terdapat banyak bahan bacaan di PSS seperti buku cerita, cerpen, surat khabar, novel, jurnal, majalah yang mampu membawa minda 'menjelajah' ke tempat atau dunia yang dibaca seterusnya mengurangkan tekanan belajar seharian." - Murid SK Jalan 3, Bandar Baru Bangi, Selangor, Iman Qaiser Basir, 12.

dengan memperkenalkan u-Pustaka iaitu perkhidmatan Perpustakaan Digital Negara yang disediakan kepada seluruh rakyat Malaysia bermula 31 Mac 2011.

Inisiatif ini berorientasikan rakyat (*people centric*), hasil kerjasama antara PNM, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) serta perpustakaan awam yang menjadi perpustakaan konsortium u-Pustaka.

u-Pustaka adalah perpustakaan maya yang beroperasi selama 24 jam bagi membolehkan pengguna meminjam serta memulangkan buku tanpa perlu hadir ke mana-mana perpustakaan, hanya menerusi capaian internet.

Untuk menggunakan perkhidmatan ini, pengguna perlu mendaftar sebagai ahli u-Pustaka melalui portal u-Pustaka secara percuma dan seterusnya boleh meminjam buku dari 12 perpustakaan konsortium dengan menggunakan perkhidmatan pos laju.



NORAFIZAH



SITI NUR ALMIZAN

Sementara itu, Guru Cemerlang Perpustakaan dan Media (GPM), Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Baharu, Jerantut, Pahang, Cikgu Norafizah Abdul Razak turut sependapat bahawa kewujudan Pusat Sumber Sekolah (PSS) juga masih relevan kerana bahan-bahan yang disediakan bukan sahaja terdiri daripada bahan cetak tetapi meliputi bahan digital.

"Kementerian Pendidikan (KPM) melalui Bahagian Sumber Teknologi Pendidikan sentiasa membantu guru-guru juga pihak pengurusan sekolah dalam menyediakan bahan-bahan bacaan digital dan terkini malah murid-murid di sekolah telah didedahkan di usia awal persekolahan tentang bahan-bahan bacaan yang pelbagai mengikut tahap usia mereka.

"Tidak dinafikan budaya membaca secara tradisional menghadapi cabaran getir selaras dengan perkembangan teknologi masa kini yang mana tumpuan dan minat membaca



Kreativiti amat diperlukan hari ini dalam usaha menarik minat masyarakat untuk membaca.



Sejajar dengan perkembangan teknologi hari ini, pusat sumber sekolah tidak ketinggalan mewujudkan sudut skrin hijau.

seolah-olah telah 'dirampas' oleh gajet dan peranti yang dianggap lebih menyeronokkan.

Tarik minat

"Sehubungan itu, GPM dan pihak sekolah perlu kreatif dalam menarik semula minat murid-murid dengan menyediakan bahan bacaan yang sesuai dengan minat sekali gus menjadikan mereka gemar berkunjung ke PSS menerusi pelbagai pendekatan terkini

menggunakan ICT," jelasnya.

Dalam mendepani era digital, SK Kampung Baharu menyediakan mini studio teknologi hijau kepada warga sekolah selain ruang bacaan santai seperti majalah dan komik disediakan untuk murid-murid sentiasa ceria dan seronok dalam pembacaan.

Dalam pada itu, ibu kepada dua orang cahaya mata, Siti Nur Almizan Aripin pula berpendapat perkembangan teknologi yang ada pada hari ini memberikan cabaran tersendiri apabila segala maklumat dapat diakses melalui hujung jari saja.

"Jadi pusat sumber perlu mencari solusi untuk menarik minat pelajar misalnya melalui kemudahan akses pinjaman buku dan saya percaya sudah banyak perpustakaan yang menyediakannya secara dalam talian.

"Saya kurang bersetuju dengan pendekatan buku digital yang perlu diakses menggunakan gajet seperti telefon pintar atau tablet kerana sedikit sebanyak ia menyumbang kepada faktor kemerosotan kesihatan mata anak-anak jika terlalu kerap membaca melalui skrin.

"Sikap generasi muda pada hari ini yang dilihat semakin kurang gemar membaca juga memberi satu cabaran kepada perpustakaan untuk menjadi lebih kreatif tetapi dalam masa yang sama, ibu bapa juga memainkan peranan menerapkan amalan membaca dalam diri anak-anak," kongsiinya.

SEJARAH PNM

- 1966 - PNM telah ditubuhkan sebagai sebuah unit di bawah Arkib Negara untuk melaksanakan Akta Pemeliharaan Buku
- 1972 - Akta Perpustakaan 80 telah diluluskan pada 1 September 1972
- 1977 - PNM menjadi sebuah Jabatan Kerajaan Persekutuan
- 1986 - Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 telah menggantikan Akta Pemeliharaan Buku-Buku
- 1987 - Akta Perpustakaan Negara 1972 telah dipinda dan diluluskan oleh Parlimen Malaysia
- 1992 - PNM berpindah ke bangunan baru di Jalan Tun Razak
- 2010 - Menara PNM siap diduduki pada Julai 2010

INFO



KERATAN AKHBAR

JUDUL : Sinar Harian (Sinar Bestari)

TARIKH : 27 Jun 2022 (Isnin)

M/S : 26


26

Sinar
BESTARI

Oleh RASYIDAH ZULKIFLI


IPT

ISNIN 27 JUN 2022 • SINAR HARIAN



Perpustakaan Syed Muhammad Naquib al-Attas, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

PERPUSTAKAAN ini telah ditubuhkan oleh ulama terkenal, Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas pada 1987. Bangunan ini terletak di Bukit Tunku, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dahulunya ia dijadikan sebagai pusat rujukan kepada penyelidik-penyelidik International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC) dan kini dibuka hanya kepada pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan sarjana bebas yang telah mendapat kebenaran untuk mengakses koleksi tersebut. Terdapat 178,000 koleksi buku meliputi falsafah, sejarah, teologi, kesusasteraan dan juga seni halus seperti paparan artifak, manuskrip serta tekstil yang jarang ditemui.



Pusat Sumber Maklumat, Universiti Teknologi Petronas (UTP)

PERPUSTAKAAN ini telah ditubuhkan pada Julai 1997 dan terletak di Seri Iskandar, Perak. Ia dikenali sebagai Information Resource Centre (IRC) dan menempatkan kira-kira 210,000 koleksi termasuk bahan bercetak dan bukan bercetak seperti buku, laporan, audiovisual, multimedia, e-buku, e-jurnal, CD-ROM interaktif dan pangkalan data secara dalam talian. IRC lebih berfokuskan pengetahuan dan sumber yang terkini dalam bidang kejuruteraan dan teknologi, juga menggunakan sistem Sierra oleh Innovative Interfaces Inc. yang menggalakkan pencarian maklumat yang cekap.

Perpustakaan institusi pengajian tinggi yang tercantik di seluruh negara

Perpustakaan sememangnya dikenali sebagai sebuah tempat atau gedung yang menempatkan pelbagai buku dan bahan bacaan untuk kegunaan ramai terutamanya para pelajar.

Maka tidak hairanlah setiap universiti di seluruh negara pastinya mempunyai perpustakaan yang dibina bagi memberi kemudahan kepada setiap pelajar-pelajarnya mendapatkan maklumat untuk melengkapkan setiap kerja yang diberikan pensyarah.

Tidak dinafikan, ada beberapa universiti di seluruh negara yang menjadi tumpuan baik pelajar mahupun

pengunjung luar kerana memiliki perpustakaan yang cantik.

Selalunya perpustakaan ini signifikan kerana ia mempunyai nilai estetika atau melambangkan sesuatu tamadun yang semestinya memberi makna kepada setiap pelawat yang terdiri daripada berbilang bangsa.

Justeru, *Sinar Bestari* minggu ini menyenaraikan perpustakaan institusi pengajian tinggi (IPT) yang mempunyai pemandangan yang cantik di seluruh negara.

Jom kita lihat!

Library and Resource Center (LRC), Management Science and University (MSU)

PERPUSTAKAAN ini terletak dalam MSU di Shah Alam, Selangor. LRC adalah perpustakaan yang menggunakan sistem berkomputer automatik sepenuhnya dan mempunyai koleksi rujukan yang luas untuk pelajar serta kakitangan MSU. Ia digunakan sebagai rujukan untuk membuat kajian termasuk monograf, buku, majalah, jurnal, tesis, laporan projek pelajar, akhbar arus perdana dan soalan peperiksaan tahun-tahun sebelumnya. Selain itu, kemudahan jurnal dalam talian juga tersedia untuk diakses pengguna. Pelajar boleh membaca, memuat turun, mencetak artikel jurnal atau buku dengan mudah melalui internet.



Perpustakaan Jeneral Tun Ibrahim, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

Perpustakaan ini telah ditubuhkan pada Mei 1995 dan mula dikenali sebagai Perpustakaan Akademi Tentera Malaysia. Kemudian, ia bertukar nama kepada Perpustakaan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia seiring dengan penubuhan UPNM pada November 2006. Dahulunya, perpustakaan universiti awam ini terletak di tingkat empat dan lima Bangunan Bestari. Kemudian ia berpindah ke bangunan baharu dan mampu menempatkan 800 orang pada satu-satu masa. Pada 10 Oktober 2010, perpustakaan ini bertukar nama sekali lagi kepada Perpustakaan Jeneral Tun Ibrahim sempena nama mantan Panglima Angkatan Tentera yang kelima.

Digital Scholarship & Information Commons (DSIC), Universiti Malaya (UM)

PADA 1959, perpustakaan Universiti Malaya (UM) telah menukar nama kepada Digital Scholarship & Information Commons (DSIC). Perpustakaan ini terletak di Kuala Lumpur. Ia mempunyai lebih daripada satu juta tajuk terkini yang meliputi 88 pangkalan data, 230,536 koleksi digital, 450,319 bahan bukan cetak dan 971,399 bahan bercetak. Selain itu, DSIC turut mempunyai kelas kemahiran maklumat dengan 2,248 pengguna berdaftar, 106 kelas di perpustakaan pusat dan 55 kelas di perpustakaan cawangan. Permintaan bekalan penerbitan daripada pengguna dalaman adalah sebanyak 1,126 artikel dan 299 buku, manakala daripada pengguna luar pula adalah 520 artikel dan 172 buku.



Teknologi terkini di perpustakaan



Tarik minat pengunjung memanfaatkan gedung ilmu

Perkembangan pesat dalam aspek komunikasi dan teknologi maklumat (ICT) hari ini telah mengubah cara masyarakat menjalani kehidupan seharian kerana kebanyakan urusan dapat diselesaikan di hujung jari.

Begitu juga dalam hal mendapatkan ilmu di mana rata-rata institusi pendidikan mengaplikasi kaedah pembelajaran dalam talian menerusi pelbagai platform yang ada.

Gedung ilmu seperti perpustakaan, baik perpustakaan awam atau Pusat Sumber Sekolah juga tidak ketinggalan membuat penambahbaikan dalam perkhidmatan yang ditawarkan dengan mengguna pakai teknologi yang ada untuk manfaat bersama.

Minggu ini, *Sinar Bestari* kongsi beberapa teknologi baharu dan kemudahan yang ditawarkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) serta perpustakaan awam di negara ini untuk kebaikan bersama.

1 Teknologi Augmented Reality (AR) dan Virtual Reality (VR)

Teknologi ini digunakan oleh PNM dalam Pameran Rumah Melayu Tradisional Berinspirasi Manuskrip Petua Membina Rumah bertujuan menengahkan ilmu pengetahuan tentang petua membina rumah tradisional Melayu menerusi aplikasi VR dan AR dari sumber manuskrip Melayu kepada masyarakat, ia menggalakkan kajian dan penyelidikan naskhah manuskrip Melayu berkaitan seni bina dan menjadi wadah pembelajaran kepada masyarakat secara lebih interaktif.

2 u-Pustaka

u-Pustaka ialah Perkhidmatan Perpustakaan Digital Negara yang disediakan kepada seluruh rakyat Malaysia bermula 31 Mac 2011 bagi membolehkan pengguna meminjam serta memulangkan buku tanpa perlu hadir ke mana-mana perpustakaan. Yang penting

pengguna perlulah mempunyai capaian internet.

Untuk menggunakan perkhidmatan ini, pengguna perlu mendaftar sebagai ahli u-Pustaka melalui portal u-Pustaka secara percuma. Melalui portal ini, pengguna boleh meminjam buku dari 12 perpustakaan konsortium dengan menggunakan perkhidmatan pos laju. u-Pustaka boleh diakses melalui <https://www.u-pustaka.gov.my>

3 e-Buku, e-Majalah, e-Jurnal dan e-Surat khabar

Kecanggihan teknologi pada hari ini juga membolehkan perpustakaan menawarkan perkhidmatan e-buku dan e-surat khabar dari dalam dan luar negara sebagai bahan bacaan kepada masyarakat. PNM sendiri menyediakan kandungan digital melalui portal u-Pustaka antaranya, 69,593 naskhah e-buku, 13,891 judul majalah, lebih 3,144 judul e-surat khabar serta pelbagai kandungan digital seperti artikel jurnal, bahan rujukan dan bahan e-pembelajaran.

4 Smart Library

Perkhidmatan Smart Library terbahagi kepada beberapa zon iaitu

• Zon Kanak-Kanak

Zon ini dilengkapi dengan tablet dan perkhidmatan buku Augmented Reality terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah

• Zon Pembaca

Zon ini dilengkapi dengan tablet untuk mengakses bahan digital PNM

• Zon Interaktif

Zon ini dilengkapi dengan tablet untuk mengakses bahan e-majalah PNM

• Zon Kerja

Zon Kerja dilengkapi komputer riba dan komputer untuk pengguna membuat kerja-kerja kesetiausahaana atau tugas

5 Bahan Audiovisual dan Sumber Elektronik

Koleksi audio visual dan sumber elektronik dalam pelbagai bidang perkara boleh diakses oleh pengguna menggunakan peralatan dan perkakasan yang disediakan oleh PNM.

6 Zon Siber

Zon ini menyediakan kemudahan komputer, internet dan gajet iaitu iPad untuk pengguna mengakses internet dan membuat pencarian maklumat.

